



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: 512/(69)

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

JB Ogos 2018

SEMUA JURUKUR TANAH BERLESEN

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PERLAKSANAAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST) DI LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sehubungan dengan penguatkuasan dan pelaksanaan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (SST) dan pemansuhan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada 1 September 2018, dengan ini nombor pendaftaran GST Lembaga Jurukur Tanah (LJT) tidak lagi digunapakai di dalam semua dokumen LJT selaras dengan pemansuhan GST mulai tarikh tersebut.

3. LJT juga ingin memaklumkan perkara-perkara yang perlu diambil perhatian oleh Juruukur Tanah Berlesen (JTB) dalam pelaksanaan Cukai Perkhidmatan 2018 (SST) mulai 1 September 2018 yang merangkumi perkara-perkara berikut:

3.1 Perkhidmatan di LJT tidak tertakluk kepada SST.

3.1.1 Merujuk kepada senarai penyedia perkhidmatan yang tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan 2018 di laman sesawang Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, semua yuran-yuran dan caj-caj perkhidmatan yang dikenakan oleh LJT termasuk yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 adalah **tidak tertakluk** kepada Cukai Perkhidmatan 2018 tersebut.

3.2 LJT tidak menyimpan rekod pendaftaran Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang berdaftar di bawah Cukai Perkhidmatan 2018 di dalam sistem ELJT.

3.2.1 Pada masa ini, LJT tidak menyediakan rekod berkaitan maklumat pendaftaran JTB di bawah Cukai Perkhidmatan 2018. Sehubungan itu dokumen-dokumen yang dikeluarkan melalui borang LJT700/710/800/810 dari sistem ELJT tidak akan menyatakan nombor pendaftaran Cukai Perkhidmatan JTB.

3.3 Status pendaftaran SST di dalam ELJT adalah merujuk kepada status pendaftaran GST.

- 3.3.1 Merujuk kepada laman sesawang Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, penyedia perkhidmatan yang berdaftar dengan GST akan didaftarkan secara automatik sebagai orang berdaftar dibawah Cukai Perkhidmatan. Sehubungan itu, pada masa ini status pendaftaran SST oleh JTB didalam ELJT adalah merujuk kepada status pendaftaran GST.
- 3.3.2 Pihak JTB dikehendaki memaklumkan kepada LJT sekiranya mereka berdaftar dibawah GST tetapi telah dikeluarkan dari pendaftaran SST atau sebaliknya.

3.4 Proses transaksi di dalam sistem ELJT selepas 1 September 2018.

- 3.4.1 Mulai 1 September 2018, borang-borang LJT700/710/800/810 dengan kiraan SST akan berkuatkuasa. Oleh itu kemasukan data di dalam borang LJT700/710/800/810 mulai 1 September 2018 adalah tertakluk kepada kiraan SST **secara automatik**. Pihak JTB yang berdaftar dibawah SST adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan caj SST di dalam borang LJT700/710/800/10 yang diisi selepas 1 September 2018.
- 3.4.2 Manakala JTB yang tidak berdaftar dibawah SST adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk tidak mengenakan caj SST di dalam borang LJT700/710/800/810 yang diisi selepas 1 September 2018.
- 3.4.3 Amaun SST yang diterima bagi kerja-kerja ukur yang didaftarkan akan dikembalikan sepenuhnya kepada JTB seperti mana yang diamalkan semasa Cukai Perkhidmatan sebelum 2014 dan semasa GST.
- 3.4.4 Pihak JTB sebagai penyedia perkhidmatan yang berdaftar dibawah SST adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam menyediakan dokumen kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia untuk tujuan pelaporan dan pengauditan SST.
- 3.4.5 Sebarang kesalahan atau kesilapan berkaitan SST adalah tertakluk kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dibawah kuasa Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. LJT tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang dialami oleh JTB di atas kesalahan atau kesilapan berkaitan SST di dalam borang-borang LJT700/710/800/810 yang telah diluluskan oleh LJT.

3.5 Borang-borang LJT700/710/800/810 berstatus "DATA ENTRY" sebelum 1 September 2018.

- 3.5.1 Borang-borang LJT700/710/800/810 berstatus "DATA ENTRY" sebelum 1 September 2018 tidak akan dihapuskan.
- 3.5.2 Borang-borang LJT700/710/800/810 yang mana kemasukan data dibuat sebelum 1 September 2018 adalah tertakluk kepada kiraan GST yang sedang berkuatkuasa pada masa data tersebut dimasukkan.
- 3.5.3 Borang-borang LJT700/710/800/810 yang diterima oleh LJT **selepas jam 1.00 tengahari pada 30 Ogos 2018 hanya akan diproses pada atau selepas 3 September 2018**. Sehubungan itu borang-borang tersebut adalah tertakluk kepada kiraan SST yang telah berkuatkuasa pada 1 September 2018. Pihak LJT akan mendapatkan pengesahan daripada JTB berkaitan caj SST melalui sistem "QUERY" didalam borang-borang tersebut.

3.6 Borang-borang LJT700/710/800/810 berstatus "QUERY" sebelum 1 September 2018.

- 3.6.1 Borang-borang LJT700/710/800/810 berstatus "QUERY" yang dikembalikan kepada LJT **selepas jam 1.00 tengahari pada 30 Ogos 2018 hanya akan diproses pada atau selepas 3 September 2018**. Sehubungan itu borang-borang tersebut adalah tertakluk kepada kiraan SST yang telah berkuatkuasa pada 1 September 2018. Pihak LJT akan mendapatkan pengesahan daripada JTB berkaitan caj SST melalui sistem "QUERY" didalam borang-borang tersebut.

3.7 Sistem perakaunan patuh SST.

- 3.7.1 Sistem ELJT adalah perisian untuk urusan berkaitan transaksi yang dinyatakan di dalam Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 sahaja. Sistem ELJT ini bukan satu perisian perakaunan yang komprehensif untuk tujuan pelaporan SST oleh JTB.
- 3.7.2 JTB yang berdaftar di bawah SST dikehendaki mempunyai sistem perakaunan patuh SST yang sesuai dengan aktiviti perniagaan masing-masing. Pihak JTB perlu merujuk kepada pihak Jabatan Kastam DiRaja Malaysia berkaitan sistem perakaunan yang sesuai untuk SST bagi digunakan dalam operasi perkhidmatan JTB.

3.8 Isu-isu peralihan berkaitan GST selepas 1 September 2018.

- 3.8.1 Pihak JTB dikehendaki menghubungi dan merujuk kepada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia berkaitan isu-isu peralihan berkaitan GST bagi kerja-kerja ukur yang masih dalam kemajuan (*job in progress*) selepas 1 September 2018.


3.9 Rujukan berkaitan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan *Guide on Professional Services*.

3.9.1 JTB boleh melayari laman sesawang Jabatan Kastam DiRaja Malaysia di www.mysst.customs.gov.my untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Akta Cukai Perkhidmatan 2018, *Guide on Professional Services* serta lain-lain perkara berkaitan SST.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(SR MOHD RIDUAN BIN MOHAMAD @ IDRIS)

Timbalan Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia
b.p. Setiausaha
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia